

Berganding bahu integrasikan sejarah Islam

Berita dan Foto : Aimi Sani

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 Disember. - Kerjasama yang erat dan komitmen yang padu antara pelbagai agensi amatlah penting bagi meningkatkan prestasi Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) seterusnya memastikan kejayaan setiap program yang ditawarkan sentiasa relevan dengan keperluan pasaran.

Justeru, dengan terjalannya rangkaian kerjasama dan perkongsian di antara UNISSA dan agensi-agensi kerajaan mahupun swasta akan dapat merencanakan pelbagai program dalam memastikan *marketability* dan *employability* graduan UNISSA.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal semasa berucap pada Majlis Pembukaan Program Perintis Pakar Sejarah Kolaborasi antara Pusat Sejarah Brunei (PSB) dengan Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam (FPPI), UNISSA bertempat di Dewan Auditorium, UNISSA, di sini.

Usaha sebegini juga ujarnya, adalah bagi mendukung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Ulang Tahun Keputeraan Baginda Kc-72 Tahun, yang mana baginda antara lain bertitah menekankan kepentingan sejarah itu sendiri dan subjek sejarah Islam wajib diajar di sekolah-sekolah dan

pusat-pusat pengajian di bawah Kementerian-Kementerian berkenaan dan swasta.

"Baginda amat yakin pendidikan melalui subjek sejarah Islam adalah satu medium penting dalam pembentukan rohani manusia ke arah melestarikan sejarah Islam melalui pendidikan. UNISSA dan PSB perlulah berganding bahu dalam mengintegrasikan sejarah Islam, terutama berkenaan Negara Brunei Darussalam sendiri.

Kita perlu menentang kepimpinan para sultan, kehebatan para ulama, kesetiaan rakyat jelata zaman dulu dan sekarang dalam mempertahankan ugama Islam sehingga Islam diperkukuhkan dan menjadi agama rasmi negara," terang beliau.

Kerjasama ini tambahnya, akan diperhebatkan dan diperkasakan lagi melalui kolaborasi dalam bidang penyelidikan, di mana penyelidik dari UNISSA boleh bekerjasama rapat dengan penyelidik PSB dalam menjalankan kajian ilmiah dan menyelongkar sumber-sumber serta catatan-catatan sejarah Negara Brunei Darussalam.

Jalinan kerjasama yang erat melalui penyelidikan itu jelasnya, akan menjadi pemangkin kepada kemajuan pendidikan serta penyelidikan, terutama dalam bidang sejarah Islam Negara Brunei Darussalam.

Dr. Awang Haji Norarfan menyeru agar semua pelajar FPPI, UNISSA untuk terus



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal (tengah) semasa hadir pada Majlis Pembukaan Program Perintis Pakar Sejarah Kolaborasi antara Pusat Sejarah Brunei (PSB) dengan Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam (FPPI), UNISSA.

bergiat aktif dan memaksimumkan kesempatan yang diberikan melalui program yang dianjurkan sama ada oleh fakulti mahupun universiti.

Antara objektif utama program ini ialah memperkenalkan dan mendedahkan para pelajar kepada pembelajaran secara amali, selain dihasratkan mampu untuk menjana kemahiran insaniah pelajar, iaitu kemahiran berkomunikasi, pemikiran kritis, kemahiran kerja berpasukan dan kemahiran kepimpinan.

Program ini akan dilaksanakan di PSB dengan penglibatan seramai 35 pelajar, di mana 28 pelajar akan menyertai Perintis Pakar Sejarah Berkala (PPSB) dan tujuh orang pula akan menyertai Perintis Pakar Sejarah Intensif.

Program dijangka bermula pada 26 hingga 28 Februari 2019 bagi PSBS dan bagi Perintis Pakar

Sejarah Insentif pula akan bermula 10 Disember 2018 hingga 5 Januari 2019.

Pengeluaran Kad Lesen Memandu Tanpa Mikrochip ditunda 12 Disember

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 Disember. - Jabatan Pengangkutan Darat (JPD), Kementerian Perhubungan memaklumkan kepada orang ramai, khususnya pemohon-pemohon baharu dan yang berhasrat untuk memperbaharui lesen memandu bahawa Cawangan - cawangan Perkhidmatan Pos tidak akan menerima sebarang permohonan Lesen Memandu buat sementara waktu dan akan hanya mula menerima permohonan-pemohonan tersebut bermula Rabu, 12 Disember 2018.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Pemangku Pengarah Pengangkutan Darat, Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud dalam Sidang Media yang diadakan di Ibu Pejabat JPD, di sini.

Menurut Pengiran Mohammad Amirrizal, perkara tersebut adalah disebabkan berlakunya sedikit gangguan teknikal ke atas sistem bagi mencetak Kad Lesen Memandu Tanpa Mikrochip yang dijadualkan bermula, 10 Disember 2018.

Pihak JPD juga memberikan jaminan permohonan-pemohonan baharu akan mula dapat diterima Pejabat Pos Seri Kompleks Batu Satu; Pejabat Pos Mengliat Gadong dan Pejabat Pos Muara. Bagi Daerah Belait ia boleh dibuat di Pejabat Pos Kuala Belait; Pejabat Pos Seria dan Pejabat Pos Lumut manakala bagi Daerah Tutong di Pejabat Pos Tutong.

Jelasnya, dalam masa yang sama untuk memastikan orang ramai tidak menghadapi sebarang kesulitan semasa operasi penguatkuasaan jalan raya dan semasa membuat perjalanan darat di negara jiran, pihak JPD



PEMANGKU Pengarah Pengangkutan Darat, Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud semasa sidang media di Ibu Pejabat Jabatan Pengangkutan Darat.

memaklumkan perkara ini kepada agensi-agensi berkuasa tempatan dan negara jiran bagi sama-sama memastikan orang ramai boleh membuat perjalanan tanpa sebarang masalah. Bagi pemohon-pemohon yang telahpun dikeluarkan resit sebelumnya oleh cawangan JPD semasa membuat permohonan, bolehlah datang ke cawangan JPD berkenaan pada tarikh yang ditetapkan di dalam resit tersebut untuk mendapatkan Kad Lesen Memandu mereka.

Dalam kesempatan ini, pihak JPD juga memohon maaf di atas sebarang kesulitan yang dihadapi akibat daripada gangguan teknikal tersebut.

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut mengenai orang ramai boleh menghubungi Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, JPD menerusi talian +673 2451979 / + 673 2451980 sambungan 107 atau menerusi talian +673 2420846 atau melalui c-mel di alamat info@land-transport.gov.bn atau menghubungi Talian Darussalam 123.

Contohi didikan Rasulullah

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 Disember. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) mengadakan Forum Khas sempena Majlis Maulidur Rasul 1440H.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis forum ialah Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang diketuai oleh Mahasiswa tahun I dari Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Awang Muhammad Iqbal bin Muhammad Jene.

Majlis dimeriahkan dengan

pengisian forum yang disampaikan oleh Pelajar Ijazah Doktor Falsafah Bahasa Arab, Awang Muhammad Yadiy bin Haji Mat Yassin dan Pelajar Ijazah Sarjana Halalan Tayyiban, Awang Muhammad Akmal bin Awang Tarif. Manakala Dayang Ijlalima Nadzirah binti Haji Md. Yunus, Pelajar Ijazah Doktor Falsafah Bahasa Arab sebagai pencerusi bagi Forum Khas tersebut.

Tajuk forum khas ini ialah "Tarbiah Rasulullah Membawa Rahmat Kepada Keluarga".

Antara perkara yang disentuh dalam forum tersebut ialah bagaimana kehidupan berkeluarga yang harmoni dan bahagia itu

adalah hasil didikan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassallam yang perlu dicontohi.

Tarbiah atau didikan melalui keperibadian akhlak Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassallam yang murni perlu diterapkan dalam hidup berkeluarga agar persefahaman di antara suami isteri, tanggungjawab terhadap anak-anak dan pertalian silaturahim terus kekal membentuk keluarga sakinah.

Majlis ini juga turut dihadiri oleh Pegawai-pegawai Utama UNISSA, para pensyarah dan mahasiswa.

Majlis diteruskan lagi dengan Dikir Marhaban sempena Maulidur Rasul dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat, diketuai oleh oleh Exco Unit Keagamaan Dan Kerohanian MPP, Ahmad Shafiee bin Aim.



PELAJAR Ijazah Doktor Falsafah Bahasa Arab, Awang Muhammad Yadiy bin Haji Mat Yassin dan Pelajar Ijazah Sarjana Halalan Tayyiban, Awang Muhammad Akmal bin Awang Tarif, Manakala Dayang Ijlalima Nadzirah binti Haji Md. Yunus, Pelajar Ijazah Doktor Falsafah Bahasa Arab sebagai pencerusi pada Forum Khas sempena Majlis Maulidur Rasul 1440H.